

07 AUG 2001

MDC-AWARD

MDC LANCAR AWARD APICIT

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang mengguna pakai teknologi komunikasi maklumat (IT) untuk bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, e-kerajaan dan perkhidmatan, aplikasi perindustrian, aplikasi perniagaan dan e-perdagangan dengan secara meluas berpeluang untuk memenangi award-award Teknologi Maklumat & Komunikasi Asia Pasifik (APICT).

Award-award ini, yang dilancar oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), merupakan program award yang pertama seumpamanya yang bertindak sebagai platform untuk mengiktiraf, mempromosi dan menggalakkan semangat inovatif dan keusahawanan mereka.

Proses pemilihan bermula pada 2 Ogos dan akan ditutup pada 22 Ogos.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan trofi bagi setiap 10 kategori majlis penyampaian ulung award APICT yang akan diadakan di Palace of the Golden Horses, di sini pada 7 Sept.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, ketika melancarkan Award APICT, hari ini berkata ia amat bersesuaian kerana ia memberi peluang untuk negara-negara Asia Pasifik bagi membentuk pakatan strategik dalam ICT.

Pengerusi eksekutif MDC Tan Sri Datuk Dr Othman Yeop Abdullah setakat hari ini menerima tajaan berjumlah sehingga RM400,000.

Para penaja termasuk Telekom Malaysia, Digi Telecommunications, Malaysia Airlines, Ming Court Vista Hotel, Cisco Systems (M) Sdn Bhd, Petronas, PICO International dan MSC Management Services.

Setakat hari ini, 10 negara telah mengesahkan penyertaan mereka. Mereka ialah Australia, Brunei, Hong Kong, Indonesia, Korea, Myanmar, Filipina, Vietnam, Jordan dan Malaysia.

MDC diwujudkan bagi memudahkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan mempercepatkan kemasukan pelabur ke dalam MSC. -- BERNAMA

CL SHY AA